

PM mahu sinergi Kementerian Pertahanan, industri diwujudkan

Usaha pastikan ekosistem penyelidikan, pembangunan pertahanan negara terus maju

Subang: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu sinergi baharu antara Kementerian Pertahanan dan pemain industri diwujudkan, bagi memastikan ekosistem penyelidikan dan pembangunan pertahanan negara terus maju seiring perubahan dan kecanggihan teknologi.

Perdana Menteri berkata, permintaan itu disuarakan beliau ketika sesi libat urus bersama pengurusan tertinggi Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia yang diadakan di Pangkalan Udara Subang, semalam.

Dalam catatan di Facebook, Anwar berkata, pada sesi berkenaan beliau turut mendapatkan perkembangan terkini berkaitan kesiapsiagaan pertahanan negara.

"Keutamaan yang perlu diambil kira kepimpinan dan pengu-



Anwar mendengar taklimat pematapan tatakelola, inisiatif reformasi dan pencapaian Kementerian Pertahanan di Pangkalan Udara Subang, semalam.

(Foto BERNAMA)

rusan, pastinya terkait status aset pertahanan, latihan, keajikan, kerjasama dan kebersamaan seluruh pihak, selain mengenal pasti masalah atau isu yang berbangkit dalam mencari penyelesaian tuntas," katanya.

Kesiapsiagaan pertahanan
Perdana Menteri berkata, selesai

sesi libat urus itu, beliau turut beramah mesra dengan jurutera yang terbabit dalam pelbagai acara di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti sambutan Hari Kemerdekaan serta siri pameran Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi (LIMA).

"Kemampuan dan keupayaan

mengendali pesawat dengan begitu cekap dan meyakinkan ini, membuktikan kemampuan anak watan dalam mengendali pesawat yang canggih dan moden dalam memastikan kesiapsiagaan pertahanan negara pada tahap terbaik," katanya.

Di lokasi sama, Anwar kemudiannya turut menyantuni warga

Kementerian Pertahanan sempena Program Ihya' Ramadan 2025, dan menunaikan Solat Jumaat bersama-sama mereka di Masjid Al-Muhajirin yang terletak berdekatan pangkalan udara itu.

Selesai Solat Jumaat, beliau turut mengedarkan bubur lambuk kepada jemaah masjid.

BERNAMA